

# "Baharui ikrar dan taat setia kita kepada Raja," kata M.B. Rahim Bakar

"Rakyat Pahang diseru baharui ikrar taat setia kepada Seri Paduka," kata sebuah kepala di muka 12 Utusan Melayu Jun 5, 1981.

Berita berikutan yang berpunca dari Kuantan berkata, Menteri Besar Pahang Haji Abdul Rahim Abu Bakar menyeru seluruh rakyat negeri Pahang membaharui ikrar taat setia dan menjunjung kasih ke bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Hari Keputeraan Baginda.

Haji Abdul Rahim juga mengajak rakyat Pahang bersyukur kepada Tuhan kerana Sultan mereka dipilih sebagai Ketua Negara yang berjaya membawa seluruh rakyat ke arah lebih berkemajuan dan bersatu padu.

"Sebagai rakyat negeri Pahang, tiap-tiap seorang dari mereka harus berbangga dengan perkembangan ini dan di samping itu bendaklah pula bersyukur kepada Tuhan yang mengurniakan nikmat serta kelimpahannya," katanya. Berucap di Majlis Jamuan Teh Menyambut Ulangtahun Keputeraan Yang di-

Pertuan Agong di kediamannya, Menteri Besar Pahang itu menambah bahawa setiap rakyat mestilah mempertahankan kedaulatan Baginda sebagai payung Negara...

Di samping itu, Menteri Besar juga berharap sempena hari perayaan itu, wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan harus pula membaharui azam mereka untuk memberikan khidmat kepada rakyat dengan penuh jujur, ikhlas serta dedikasi supaya segala pelaksanaan projek-projek pembangunan dapat berjalan lancar.

"Kerajaan Negeri berharap dan berazam untuk melaksanakan segala perancangan pembangunan itu dengan penuh dedikasi dan keupayaan yang ada untuk membawa rakyat negeri ini ke satu arah yang ditentukan oleh Dasar Ekonomi Baru kerajaan," hujahnya lagi.

\*\*\*

## Komen Penulis:

Terlebih dahulu kita patutlah sangat bersyukur kepada Tuhan

kerana berada di bawah pemerintahan demokrasi berparlimen dari jenis yang berbentuk "constitutional monarchy", yakni pemerintahan beraja mengikut Perlembagaan. Kerana, di bawah sistem pemerintahan seperti inilah saja seseorang pemimpin boleh menyeru rakyat supaya membaharui ikrar taatsetia kepada Raja, sambil secara serentak pula menyuarakan harapan semoga wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan membaharui azam mereka untuk memberi khidmat kepada rakyat dengan penuh jujur, ikhlas serta dedikasi.

Sebaliknya, di sesebuah negara (samada di hari ini ataupun di zaman purba) yang berada di bawah rejim "absolute monarchy", yakni pemerintahan raja berkuasa penuh (yang berbandukan kepada motto: "The king can do anything"), implikasi ikrar taatsetia pemimpin kepada raja ialah — pemimpin berkenaan secara otomatik mestilah mem-

berikan tugas kepada rakyat sebagai Speaker, sehingga jika terpilih mereka itu terpaksa diusung (secara paksa) dan didudukkan secara paksa ke atas kerusi Speaker. Kerana diantara tugas Mr. Speaker di zaman purba adalah untuk menyebarkan secara lisan keputusan Parlimen kepada Raja — kalau "bagus" keputusan dipadahi dia "knighthood" yang membawa gelaran "Sir", kalau "buruk" berita, habislah kepala... Dan di kurun yang ke 20 ini pula; kesetiaan anggota-anggota Angkatan Bersenjata di sebuah negara di Afrika terhadap Ketua Negara mereka (yang memahkotakan kepala sendiri dan memberi gelaran "Emperor Bokassa" kepada diri sendiri) adalah dibuktikan dengan kesediaan dan kesanggupan mereka menembak mati murid-murid sekolah, semata-mata kerana ibubapa mereka yang miskin tidak berkemampuan membeli uniform yang dibikin di kilang kepunyaan "Emperor" dan yang dijual dengan harga yang

bersamaan dengan sebulan gaji seorang guru. (Nota: Oleh kerana Tuhan tidak menyebelahi pemerintah yang tamak dan zalim, maka Emperor Bokassa telah pun terguling dan dihari ini — samalah seperti Idi Amin — berada di luar negara sendiri selaku orang pelarian tanpa negeri...)

Kesimpulan: Sejarah membuktikan bahawa di bawah rejim "absolute monarchy" (dimana raja lebih mengutamakan kepentingan peti wang diraja daripada kepentingan rakyat jelata), pemimpin-pemimpin, termasuk Mr. Speaker, secara otomatik dilebal sebagai penderis kepada raja dan dengan itu akan kehilangan kebebasan jika tidakkan kepala, bila sahaja mereka menyuarakan perasaan timbangraas dan belas kasihan terhadap rakyat jelata; sementara di bawah pemerintahan "constitutional monarchy" pula, (dimana raja adalah berjiwa rakyat dan dengan itu cintakan rakyat) penulis belum lagi terbaca berita (sama

ada dalam atau luar negeri) darihal pemimpin pilihan rakyat, yang berkhidmat dengan jujur, ikhlas dan dedikasi demi kepentingan rakyat, yang telah kehilangan jawatan, kepala ataupun kebebasan. (Itulah, agaknya, mengapa Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini menyeru supaya rakyat menghormati dan mempertahankan pemertintahan mengikut sistem "constitutional monarchy" di negara ini, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara).

☆☆☆

## Ekor Ruangan:

A) Tiga orang pegawai di Soviet Republic of Azerbaijan di Laut Caspian telah ditembak mati oleh satu skuad tembak, kerana menipu wang kepunyaan kerajaan yang berjumlah lebih dari US\$3 (M\$6.4 juta), kata sebuah akhbar (tempatan) Parti Komunis.

Pegawai-pegawai berkenaan adalah seorang

Ketua Jurutera di sebuah kilang kain di Baku, seorang inspektor dari Kementerian Kehakiman dan seorang pendakwa raya.

\*\*\*

(B) Seorang lelaki, yang didapati bersalah mencuri barang-barang dari sebuah Pusat Bantuan (Relief Centre) di sebuah bandar di Utara Iran, telah kehilangan empat batang jari tangan kanan, setelah hukuman kerat jari dikenakan ke atasnya kerana kesalahan dikisahkan tadi. (Petikan dari sebuah akhbar luar negeri bertarikh Jun, 1, 1981 di bawah tajuk "Death for \$6m swindle" and "Fingers off").

## Catitan Khas:

Penulis percaya setelah membaca cerita-cerita ini, ada pembaca yang mengurut dada dan ada pula yang menumpukan pandangan ke jari mereka, sambil berkata: "Kata di dalam hati: 'My God! Mujurilah aku bermastautin di Malaysia dan tidak di Iran ataupun Russia...'"

☆☆☆